

27 MAR 2002

Samy-Bahrain

MALAYSIA CADANG WUJUD USAHA SAMA DENGAN BAHRAIN DALAM INFRASTRUKTUR

PULAU PINANG, 27 Mac (Bernama) -- Malaysia akan menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bagi mewujudkan sebuah konsortium dengan Bahrain bagi menjalankan projek pembangunan infrastruktur di negara itu.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata Malaysia akan diwakili Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Katanya menerusi perjanjian persefahaman itu, Malaysia berharap menjadi perunding dan mendapatkan tawaran kerja-kerja pembangunan infrastruktur di Bahrain.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mengiringi Menteri Kerja Raya Bahrain Fahmi Al Jowder melawat Jambatan Pulau Pinang di sini hari ini.

CIDB akan menjadi perantara untuk menawarkan kerja-kerja pembinaan kepada kontraktor tempatan seperti yang dilakukan antara Malaysia dan India, katanya.

Samy berkata cadangan untuk mewujudkan sebuah konsortium bersama dengan Bahrain pula adalah bagi membolehkan projek pembangunan di negara itu dilaksanakan secara usaha sama.

Katanya lawatan Fahmi adalah bagi mendapatkan maklumat dan melihat sendiri projek-projek pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di negara ini dan beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan beberapa perkara.

Pada perkembangan lain, Samy Vellu memberi jaminan bahawa kadar tol di Jambatan Pulau Pinang tidak akan dinaikan pada masa ini kerana kerajaan memahami masalah ekonomi rakyat.

Katanya walaupun tempoh kajian semula kadar tol itu telah ditangguh selama tiga tahun, namun kerajaan masih mempertahankan kadar tol sedia ada.

Kadar tol jambatan yang terpanjang di negara itu ialah RM7 sejak mula beroperasi 15 tahun lepas.

Sementara itu, Fahmi berkata Bahrain menyambut baik pembabitan kontraktor Malaysia dalam pembangunan dan pembinaan projek di negara ini.

Menurutnya Bahrain kini menunggu kerjasama dengan Malaysia terutama dalam projek infrastruktur seperti jalan.

-- BERNAMA

AZE LAT